

# Komunis Melayu: Di Mana Mereka Sekarang?



Musa Ahmad



Rashid Maidin



Abdullah C.D.



Shamsiah Fakeh

Oleh ZAMRI RAMBLI

**S**ELEPAS kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua, Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditubuhkan pada tahun 1930 semakin menajamkan pengaruhnya dan mendapat simpati daripada kalangan penduduk Tanah Melayu. Dengan menanamkan bibit kebencian dan perasaan anti-Inggeris yang menjajah negara ini, perjuangan PKM itu bukan sahaja mendapat tempat di kalangan masyarakat Cina malah turut menarik minat sebahagian kecil golongan kiri Melayu.

Antara nama-nama besar pemimpin komunis Melayu yang pernah mengetuai PKM bersama Chin Peng ialah Abdullah C.D., Musa Ahmad, Rashid Maidin dan Shamsiah Fakeh.

Namun selepas termeterainya Perjanjian Hatyai pada 2 Disember 1989 di antara PKM dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand, perjuangan bersenjata PKM selama 41 tahun terus terkubur.

Kebanyakan gerila komunis termasuk anggota komunis Melayu itu terus menetap di sempadan Malaysia-Thailand, tempat mereka bertahan setelah lari daripada bujukan pasukan keselamatan Malaysia sebelum perjanjian itu ditandatangani. Masing-masing memulakan kehidupan baru dengan membuka kawasan perkampungan yang rata-rata didiami oleh bekas anggota PKM.

Abdullah C.D., 79, yang merupakan bekas pengerusi PKM, kini menetap di Kampung Banchulabhorn Pattana 12, di selatan Thailand. Selain bersama isterinya Suraini Abdullah, dia juga menjadi pemimpin kepada hampir 138 keluarga kebanyakannya bekas anggota PKM. Menurut Abdullah, beliau tidak berhasrat untuk meninggalkan kampung itu kerana menganggap kampung berkenaan sebagai kampung halamannya.

Turut bersama Abdullah di perkampungan itu ialah Abu Samah Mohd. Kassim, orang kedua dalam Rejimen ke-10 PKM.

Bekas Komander Rejimen ke-10, Rashid Maidin, 85, pula kini menetap bersama kira-kira 100 bekas anggota parti itu di Kampung Chulaporn, Yala. Dia pernah melahirkan hasrat untuk pulang ke Malaysia sekiranya kerajaan mempertimbangkan beberapa syarat yang ditetapkan semasa perundingan di Baling dan Hatyai, termasuk elauan sara hidup.

Namun begitu, dua pemimpin kanan parti itu iaitu Musa Ahmad dan Shamsiah Fakeh telah pun balik ke Malaysia selepas menerima pengampunan daripada kerajaan Malaysia. Musa Ahmad pulang ke negara ini pada November 1980 dan telah pun kembali ke rahmatullah beberapa tahun lalu.

Shamsiah Fakeh pula yang pernah menjadi pemimpin Angkatan Wanita Sedar (AWAS), pulang ke tanah air pada tahun 1990-an dan kini mengakhiri sisa hidupnya di Gombak. □



Rumah Rashid Maidin di Yala Thailand.